



پارٽي اسلامي سماเลเซีย (پاس)

PARTI ISLAM SEMALAYSIA (PAS)
DEWAN PEMUDA PAS PUSAT



No. Pendaftaran: 26/52-118 (Selangor)

SURAT TERBUKA (8 FEBRUARI 2006)

FAM DI PERALAT OLEH KHAIRY JAMALUDDIN

Suka saya merujuk kepada pasukan bolasepak Myteam yang bakal dibentuk pada 18 Februari ini yang bermula di Johor Bharu hinggalah berakhir di Kuala Lumpur pada 9 April sebelum menjalani latihan pusat serta menentang Pasukan Kebangsaan pada 28 Mei di Stadium Nasional, Bukit Jalil.

Program realiti yang di uruskan oleh syarikat Maya Team yang dimiliki oleh Khairy Jamaluddin bakal membawa kuasa baru didalam imej sukan bolasepak dan ianya juga akan memberikan peluang ekonomi kepadanya serta dengan mudah mendapat keuntungan besar. Melihat kepada program ini akan memperlihatkan kebangkitan Pasukan Bolasepak Negara dimasa yang akan datang, tetapi jika Pasukan Kebangsaan kecundang menggambarkan mutu pengurusan pembangunan FAM adalah lemah.

Saya tidak hairan kenapa syarikat Maya Team mendapat hak menguruskan program realiti ini oleh kerana Khairy Jamaluddin juga adalah Ahli Majlis FAM. Apakah FAM tidak tahu bahawa Khairy Jamaluddin yang memiliki syarikat tersebut? Kenapa FAM tidak membuat tender terbuka?

Apabila melihat kepada penaja utama program realiti ini adalah Telekom Malaysia, sedangkan Telekom Malaysia juga adalah penaja utama pertandingan bolasepak masa kini. Jika pelaburan yang diberikan kepada program realiti ini diberikan kepada FAM, mungkin aktiviti pembangunan disemua peringkat dapat berjalan dengan baik kerana mendapat sumber yang amat besar.

Saya juga merujuk kepada kes yang menghukum Pengurus Pasukan Bolasepak Perak, Dato' Jamal Nasir Rasdi yang mana beliau mempersoalkan mutu pengadilan bolasepak negara yang begitu lemah. Ini juga dilihat bahawa Pengerusi Jawatankuasa Pengadil iaitu Khairy Jamaluddin adalah orang yang bukan layak dengan berlatar belakangkan bolasepak sebelum ini. Bukankah ramai lagi bekas pengadil FIFA atau Negara yang mampu di amanahkan sebagai pengerusi tersebut.

Harus ditegaskan bahawa sukan negara mesti ditingkatkan, tetapi bersih daripada kepentingan orang politik seperti Khairy Jamaluddin sepertimana syarikat ECM Libra yang juga dimilikinya untuk meraih keuntungan segera dengan cara kedudukannya sebagai

menantu Perdana Menteri. Saya berharap FAM mesti kembalikan kecermelangan Bolasepak Negara dengan memastikan setiap langkah FAM mendatangkan hasil yang baik untuk Pembangunan Bolasepak Negara dan juga pengurusan pertandingan yang selaras dengan hasrat peminat dan juga penyokong bolasepak tempatan.

USTAZ HJ. IDRIS BIN AHMAD

Timbalan Ketua,
Dewan Pemuda PAS Pusat